

PGA tahan 12 lelaki berburu secara haram

Sik: Tindakan sekumpulan 12 lelaki melakukan perburuan haram di Hutan Rizab Ulu Muda, di sini mengundang padah apabila ditahan sepasukan anggota Batalion 3, Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara, kelmarin.

Mereka berusia dalam lingkungan 30-an hingga 40-an itu ditahan pada jam 3.15 pagi dalam Ops Sepadu Khazanah yang turut disertai pegawai Jabatan Perlin-dungan Harwan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Pegawai Pemerintah Batalion 3, PGA Briged Utara, Superintendan Rosman Kasman, berkata pihaknya melakukan operasi itu berdasarkan maklumat diperoleh berhubung kegiatan pemburuan haram di kawasan itu.

Sebaik tiba di lokasi, pihaknya mengesan kenderaan pacuan empat roda dan beberapa motosikal disorok dalam hutan berkenaan.

"Pemeriksaan mendapati 12 individu sedang tidur dan kita me-

nemui barangan seperti 16 butir peluru dan dua unit alat telekomunikasi *walkie talkie*.

"Turut ditemui sebuah unit sistem penentu kedudukan global (GPS), enam butir peluru hidup dan sebuah gergaji besi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Rosman berkata, pihaknya turut merampas seekor pelanduk mati dan seekor lagi masih hidup.

Katanya, individu itu gagal mengemukakan dokumen pemilikan sah terhadap hidupan liar ketika ditemui dan melakukan kesalahan mengikut Akta 716.

"Seorang daripada lelaki itu mengaku menembak dan menyimpan pelanduk mati dan seekor pelanduk hidup.

"Semua barangan kes dan jumlah rampasan yang dianggar bernilai RM25,000 dibawa ke pejabat PERHILITAN daerah Sik untuk tindakan lanjut," katanya.

Rosman berkata, kes disiasat

mengikut Seksyen 60 (1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau didenda selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahannya.

Beliau meminta orang awam

menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pemburuan haram atau penyeludupan khazanah negara dengan menghubungi 05-4343701 (cawangan risik dan gerakan) berserta maklumat dan identiti mereka dirahsiakan.



Antara peralatan perburuan yang dirampas daripada 12 individu di Hutan Rizab Ulu Muda, kelmarin.

(Foto Ihsan PGA)